



## KENYATAAN MEDIA

---

### MALAYSIA - SINGAPURA BINCANG HALA TUJU KERJASAMA BIDANG KOMUNIKASI, PERLINDUNGAN DATA PERIBADI, KESELAMATAN SIBER DAN EKONOMI DIGITAL

Saya telah mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawat, PYT Josephine Teo, Menteri Perhubungan dan Penerangan Singapura pada hari ini bagi membincangkan dengan lebih mendalam hala tuju kerjasama Malaysia dan Singapura dalam bidang perlindungan data peribadi, keselamatan siber dan ekonomi digital selain bidang komunikasi.

Malaysia dan Singapura baru sahaja memperbaharui kerjasama dalam bidang **perlindungan data peribadi, keselamatan siber dan ekonomi digital** melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) pada 30 Januari 2023 di Singapura, sekaligus menyediakan platform kepada agensi-agensi di kedua-dua negara memulakan kerjasama yang lebih mendalam dalam bidang perlindungan data peribadi, keselamatan siber dan ekonomi digital.

Antara kerjasama yang dirangka adalah perkongsian maklumat dan kepakaran serta amalan terbaik antara Malaysia dan Singapura dalam menangani isu penipuan dalam talian (*online scam*) secara lebih berkesan dan mengoptimumkan penggunaan data sebagai sumber komoditi yang berharga dalam pertumbuhan ekonomi digital negara.

Saya turut mengalu-alukan kesudian Menteri Perhubungan dan Penerangan Singapura serta delegasi menghadiri konsert Muzika Ekstravaganza yang dihoskan oleh Malaysia pada malam ini. Konsert anjuran bersama Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan MediaCorp Suria Singapura ini merupakan konsert kali ke-14 yang bermatlamat untuk menaikkan taraf industri muzik kedua-dua negara menerusi pertukaran kepakaran dan pengalaman serta penggunaan teknologi, selain memberi pendedahan kepada budaya kerja antara kedua-dua stesen penyiar.

Turut serta dalam sesi mesyuarat ini ialah Pesuruhjaya Tinggi Singapura di Malaysia, TYT Vanu Gopala Menon, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia, YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan dan Penerangan Singapura, Mr. Joseph Leong, Pengurus Interim Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), YBhg. Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) Ts. Mahadhir Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Komunikasi dan Digital.

**FAHMI FADZIL**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL**

4 Februari 2023